

MPK terima pelbagai aduan masalah rakyat

KUANTAN 3 April - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) menerima 63 aduan membabitkan pelbagai masalah rakyat sempena Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sejak April tahun lalu.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, aduan yang diterima membabitkan kerosakan jalan, jalan berlubang, sampah, longkang tersumbat, masalah penjaja, lesen dan tempat letak kereta.

"Semua aduan yang diterima sedang dalam tindakan PBT dan juga agensi-agensi yang lain untuk diselesaikan dalam masa terdekat ini.

"MPK akan memberikan respon serta merta mana-mana aduan yang di bawah tanggungjawab MPK manakala yang bukan dibawah tanggungjawab kita, kami akan salurkan terus kepada jabatan berkenaan," katanya di sini baru-baru ini.

Program Hari Bertemu Pelanggan MPK diadakan pada hari Ju-



HAMIZA HAMZAH (dua dari kanan) mendengar aduan daripada orang ramai ketika Hari Bertemu Penggan MPK di Ibu Pejabat MPK, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

UTUSAN MALAYSIA 4/4/17

maat minggu terakhir setiap bulan selama tiga jam bermula jam 8:30 pagi sehingga 11:30 pagi.

Pada program tersebut, Yang Dipertua MPK bersama pengarah-pengarah jabatan akan berada di kaunter pengadu bagi mendengar aduan daripada rakyat.

Izad Zainal berkata, menerusi usaha itu, MPK akan mendapat maklumat dan mengenal pasti masalah yang dihadapi rakyat dengan lebih berkesan.

"Kita juga dapat memberi penjelasan, penerangan secara terus dan terbuka serta akan cuba me-

nyelesaikan masalah mereka dengan kadar segera secara berperingkat-peringkat," katanya.

Beliau berkata, MPK sentiasa mengalu-alukan orang ramai untuk memberi cadangan, pandangan atau membuat aduan terus pada bila-bila masa.